

B B614 AAB  
PARLIMEN - HAKIM R'R'R'R'

KUALA LUMPUR, 17 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KEHAKIMAN SEPATUTNYA MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA KEADILAN, TIDAK MEMIHAK KEPADA SESIAPA DAN TIDAK TERLIBAT DENGAN PARTI POLITIK.

KATANYA PADA MASA KEBELAKANGAN INI TERDAPAT BEBERAPA ANGGOTA KEHAKIMAN YANG SUDAH TERLIBAT DENGAN POLITIK SERTA MEMPUYAI SIKAP +FIERCELY INDEPENDENT+ DAN SECARA TIDAK LANGSUNG TERLIBAT DENGAN POLITIK PEMBANGKANG.

SEMASA MEMBENTANG RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 1988 DI DEWAN RAKYAT, BELIAU BERKATA DALAM USAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH MEREKA UNTUK MEMPERLIHATKAN KEBEBASAN, MEREKA AKAN +BEND OVER BACKWARDS+ UNTUK MEMBERI KEPUTUSAN YANG MEMIHAK KEPADA PENCABAR KERAJAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA UNTUK MENENTUKAN SESUATU IMBANGAN TERCAPAI, KEHAKIMAN DAN PERKHIDMATAN AWAM YANG TIDAK TERLIBAT DENGAN POLITIK ADALAH PERLU DAN KEHAKIMAN JUGA SEPATUTNYA MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA KEADILAN.

+SEKIRANYA HAKIM BERASA PERLU MEMBUKTIKAN KEBEBASAN MEREKA TERLEBIH DAHULU, MAKA KEADILAN AKAN MENDAPAT TEMPAT KEDUA, DAN DENGAN PERKATAAN LAIN, KEADILAN TIDAK TERCAPAI APABILA HAKIM LEBIH MENGUTAMAKAN SIKAP BEBASNYA DARI KERAJAAN,+ TEGASNYA. -- LAGI  
1851MST 17 03 88

B B620 AAB  
PARLIMEN - HAKIM 2 KUALA LUMPUR R'R'R'R'

SEBAB ITULAH, KATANYA ADA HAKIM-HAKIM SEMASA MENJATUHKAN HUKUMAN MEMBUAT KENYATAAN TIDAK BERASAS SEOLAH-OLAH MELEPASKAN GERAM.

KENYATAAN-KENYATAAN INI PULA, TAMBAHNYA, DIBUAT KERANA KEPERCAYAAN BAHAWA APA YANG DIKATAKAN OLEH HAKIM TIDAK BOLEH DITEGUR DAN JIKA DIKRITIK HAKIM BOLEH PULA MENDAKWA DI BAWAH +MENGHINA MAHKAMAH+ (CONTEMPT OF COURT).

+JIKA ADA RAYUAN, MAKA KES ITU MENJADI SUBJUDICE DAN SEKALI LAGI SEGALA KOMEN TERHADAP KES BERKENAAN DIANGGAP SALAH DAN HAKIM BOLEH MENCEMUH SESEORANG KERANA ORANG ITU TIDAK BERHAK MEMPERTAHANKAN DIRI,+ KATANYA.

MENURUT PERDANA MENTERI HAKIM BUKANLAH SEORANG YANG TIDAK BOLEH MEMBUAT SALAH ATAU TIDAK BOLEH BERNIAT BURUK DAN OLEH KERANA KERAJAAN MENYEDARI PENTINGNYA RAKYAT MEMPUYAI KEPERCAYAAN KEPADA SISTEM KEHAKIMAN NEGARA INI, MAKA PINDAAN TERHADAP PERLEMBAGAAN INI DIBUAT.

KATANYA JIKA BELIAU TIDAK MENJELASKAN TENTANG LEMAHNYA HUKUMAN YANG DIBUAT OLEH SESEORANG HAKIM, MAKA RAKYAT AKAN TERTANYA-TANYA AKAN TINDAKAN YANG DIAMBIL OLEH KERAJAAN.

SEBAGAI CONTOH, KATANYA, MEMBUAT TUDUHAN BAHAWA MENTERI BERTINDAK DENGAN SEWENANG-WENANGNYA DAN BERNIAT BURUK (MALA FIDE) ADALAH PERKARA YANG SERIUS SERTA MENCEMAR NAMA MENTERI. -- LAGI  
1857MST 17 03 88

B B622 AAB  
PARLIMEN - HAKIM 3 KUALA LUMPUR RRR

TEGASNYA, SUDAH TENTU AKHBAR LUAR NEGERI DAN PARTI PEMBANGKANG AKAN GEMBIRA DENGAN TUDUHAN INI DAN SUDAH TENTU PULA IMEJ NEGARA AKAN TERJEJAS.

BELIAU BERTANYA, +BENARKAH TUDUHAN INI?+.

OLEH KERANA +CONTEMPT OF COURT+ MULUT PIHAK YANG DICEMUH DITUTUP BAHKAN AKHBAR TEMPATAN PUN TIDAK DAPAT MEMBUAT APA-APA KOMEN.

+ADAKAH INI ADIL?+ TANYANYA LAGI.

DALAM KES CARRIAN DI HONG KONG PULA, KATANYA, SEORANG HAKIM, JUSTICE BARKER, TELAH MEMBUAT KEPUTUSAN GANJIL DALAM PANDANGAN SELURUH DUNIA.

BAGAIMANAPUN ORANG AWAM DAN MAJLIS PEGUAM HONG KONG, KATA PERDANA MENTERI, BERANI MEMBUAT TEGURAN TERHADAP KEPUTUSAN ITU DAN ADA YANG KATA KEPUTUSAN ITU +TIDAK SIUMAN DAN PELEK+.

ENCIK BARKER DILAPORKAN MELETAK JAWATAN SEMALAM, KATANYA.

+APAKAH TIDAK MUNGKIN DI MALAYSIA JUGA TERDAPAT KEPUTUSAN HAKIM YANG SEBEGITU?+ SOALNYA. -- LAGI  
1905MST 17 03 88

D332

B B624 AAB  
PARLIMEN - HAKIM 4 KUALA LUMPUR R'R'R'R'

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SETIAP KUASA YANG DIBERI MESTI DIGUNAKAN DENGAN PENUH TANGGUNGJAWAB. JANGAN KERANA IMMUNITY DIBERI, MAKA KITA MELEMPARKAN TOHMAHAN SEWENANG-WENANGNYA DAN MEMBUAT SESUATU SESUKA HATI.

+SEBAB ITULAH KITA PERLU BERPEGANG KEPADA UNDANG-UNDANG YANG JELAS. KEHAKIMAN DIPENUHI MANUSIA BIASA, PERASAAN TIDAK BERBEZA DENGAN MANUSIA LAIN DAN JIKA MEREKA BEGITU BEBAS DAN KEBEBASAN INI MEMBAWA KETIDAKADILAN, MAKA HASRAT KEHAKIMAN TIDAK TERCAPAI,+ TEGASNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ADALAH LEBIH ADIL KERAJAAN BERPEGANG KEPADA UNDANG-UNDANG BERTULIS YANG DIBUAT MENGIKUT KEHENDAK RAKYAT DALAM SISTEM, DEMOKRASI BERPARLIMEN INI.

+HAKIM PERLU MENJELASKAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG MANA YANG IA MEMBUAT HUKUMAN. BUDIBICARA HAKIM HENDAKLAH TERTAKLUK KEPADA UNDANG-UNDANG NEGARA MELAINKAN TIDAK ADA UNDANG-UNDANG NEGARA BERKAITAN DENGAN KES BERKENAAN,+ TEGASNYA. -- BERNAMA  
1910MST 17 03 88